

**PENINGKATAN MUTU PERSEKITARAN KAMPUNG RIZAB
MELAYU DI BANDAR
KES KAJIAN : BATU 5, JALAN GOMBAK**

oleh

SHAHROM BIN MUSA

Satu disertasi yang disediakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap (kepujian)

Jabatan Seni Bina Landskap
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

APRIL 2000

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. atas segala Limpah Kurnia dan InayahNya memberikan saya kekuatan untuk menyiapkan tugas akhir semester ini. Memandangkan tugas ini adalah syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap (kepujian), kerjasama dengan beberapa pihak tertentu juga amat saya hargai.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Puan Kamariyah Kamsah, selaku penasihat utama yang banyak membantu, memberikan tunjuk ajar, nasihat dan peluang di dalam proses penulisan ini. Turut juga dihargai ialah Ci Raziah Ahmad selaku penasihat kedua, Dr Nik Ismail Nik Azlan, Encik Anuar Mohd Nor dan Encik Wan Halawah Wan Hariri yang turut sama menyumbang idea di dalam proses penyediaannya. Tidak dilupakan juga kepada saudara Amierul Hamzah Puat Nelson yang banyak membimbing dan memberi semangat di dalam sandiwara disertasi ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana sudi berkongsi idea dan ilmu untuk turut sama berjaya semester ini. Semoga kejayaan akan menjadi milik kita bersama. Inshaallah.

Kepada ayah yang telah pergi selamanya....., terima kasih wasiatmu. Kepada emak tersayang, doamu ku nyatakan. Turut ku sanjung abang, kakak dan adik kerana memahami situasi dan keadaan.

Isi kandungan	muka surat	
BAB SATU : PENGENALAN		
1.0	Latar Belakang Kajian Rizab Melayu Di Bandar	1 - 5
1.1	Isu Dan Masalah	5
	1.1.1 Kelemahan Strategi Pembangunan Koridor	5 - 6
	1.1.2 Paradigma	7 - 8
1.2	Matlamat Kajian	8
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Skop Kajian	9 - 11
1.5	Rasional Kajian	11 - 12
 BAB DUA : KAJIAN ILMIAH		
2.0	Sejarah Awal Kampung Dalam Bandar	13 - 22
2.1	Kajian Kes Kampung Baru	22 - 23
2.2	Hilangnya Karektor Kerana Arus Pembangunan	23 - 26
	2.2.1 Keseimbangan Populasi Berdasarkan Etnik	26 - 29
	2.2.2 Perubahan Guna Tanah	30 - 32
	2.2.3 Kuasa Ekonomi	33 - 35
2.3	Bagaimana Mutu Kampung Di Bandar Menurun	35
	2.3.1 Masalah Sosial	36 - 41
	2.3.2 Kelemahan Sistem Perancangan	41 - 47
2.4	Kepentingan Peningkatan Alam Sekitar Di Bandar	47
	2.4.1 Persekitaran Berkualiti	47 - 48
	2.4.2 Pembangunan Fizikal Yang Lebih Berekonomi	48 - 49
	2.4.3 Pembentukan Masyarakat Melayu Berbudaya	49
2.5	Rumusan	49 - 50
 BAB TIGA : KAWASAN KAJIAN : Inventori		
3.0	Lokasi Kawasan kajian	51
3.1	Sejarah Kawasan Kajian	52 - 53
3.2	Perbandingan Kawasan Petempatan Era 1970 an Dan Era 1990 an	53 - 55

Abstrak

Kuala Lumpur mengalami pembangunan yang pesat terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan. Beberapa dasar yang melibatkan pembangunan telah menjadikan permintaan tanah bandar semakin meninggi. Sehingga hari ini telah banyak kawasan yang terbiar di bandar dibangunkan semula. Situasi ini telah membawa tanah rizab melayu turuh sama di dalam kancan pembangunan hartanah di bandar.

Hari ini kesan pembangunan bandar telah mengancam identiti unik perkampungan tanah rizab melayu. Malahan sesetengah persekitaran fizikal bandar telah menjadikan kawasan perkampungan ini sebagai tempat untuk menampung pembangunan sesak di bandar. Persekitaran yang tidak selesa, padat dan kualiti persekitaran yang menurun telah menyebabkan kawasan rizab melayu ini memberikan imej buruk kepada keseluruhan bandar Kuala Lumpur.

Kajian ini bermatlamat untuk meningkatkan mutu persekitaran kawasan rizab melayu yang dihasilkan oleh pembangunan bandar. Pendekatan yang sesuai ialah mengambilkira sosio budaya masyarakat melayu yang unik dan diselaraskan dengan tren pembangunan bandar. Di samping itu, beberapa nilai semulajadi dijadikan sumber utama di dalam proses membaikpulih imej kawasan perkampungan ini.

Adalah diharapkan supaya pendekatan ini akan terus mengekalkan cara hidup orang melayu yang unik di samping membantu perkembangan sesebuah bandar. Secara keseluruhannya kawasan ini akan menjadi lambang kepada persekitaran hidup orang melayu yang berkualiti.

1.0 Latarbelakang Kajian Rizab Melayu Di Bandar.

Tanah rizab melayu merupakan aset berharga yang masih ada dikalangan masyarakat melayu. Kepentingan hak dan perlindungan dalam perundangan telah meletakkan masyarakat melayu dan tanah rizab sebagai sesuatu yang sinonim dalam pentadbiran, pengurusan dan pembangunan tanah. Malahan pengekalan status rizab melayu telah banyak membawa pengertian, mengenal dan mendedah serta mengekalkan ciri-ciri budaya masyarakat melayu yang asli.

Berdasarkan sejarah, kurniaan status tanah rizab melayu ini wujud apabila kerajaan kolonial Inggeris galak menjalankan dasar perindustrian dengan pembukaan tanah secara besar-besaran. Di kalangan pemimpin bangsa melayu bimbang sekiranya tidak dibentaras, orang melayu satu hari nanti tidak mempunyai aset di dalam bentuk tanah di bandar. Berdasarkan rundingan dan persefahaman dengan penjajah, orang melayu telah dikurniakan tanah dengan status rizab melayu. Mereka digalakkan menjalankan pelbagai aktiviti seperti berladang dan menternak binatang yang boleh menampung keperluan hidup di atas tanah yang dikurniakan ini. Hasil daripada aktiviti di tanah ini, masyarakat melayu telah menetap dan memiliki tanah secara sah dari segi perundangan di atas usaha bercucuk tanam yang mereka jalankan.

Perubahan evolusi dan budaya telah menjadikan tanah rizab melayu sebagai penyumbang kepada pembangunan negara. Sebagai contoh, hasil pertanian orang melayu disalurkan untuk penggunaan pengusaha dan pekerja lombong